

Kegawatan ekonomi punca kelewatian pelaksanaan kampus tetap UMS

KELEWATAN pelaksanaan kampus tetap Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Menggatal dekat sini disebabkan kemelesetan ekonomi.

Osu berkata kerja-kerja ke atas kampus berkenaan akan diteruskan.

"Mungkin separuh dari pada sembilan blok bangunan yang dirancang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan dibina dulu."

Sebelum itu Osu menyaksikan penyerahan 296 unit rumah teres dua tingkat oleh Wilakaya Sdn Bhd kepada Pengarah Besar Jabatan Tanah dan Perlombongan di Sepanggar, dekat sini kelmarin.

Rumah bernilai RM43 juta itu akan digunakan sebagai tempat tinggal para pelajar UMS.

Katanya rumah-rumah itu boleh menampung lebih seribu pelajar dengan selesa.

Menurutnya, perpindahan UMS daripada kampus sementara ke kampus tetap akan ditangguhkan.

"Tidak sebelum pelaksanaan tuntutan asas untuk perpindahan mereka disiapkan," katanya.

Katanya penangguhan akan memakan masa setahun.

Osu berkata pengendalian UMS tidak akan terjejas kerana sudah ada tapak sementara.

Beliau akan mengarahkan pemaju, Majlis Perbandaran Kota Kinabalu dan Jabatan Air mengatasi masalah air di kawasan perumahan dalam masa dua minggu.



MS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH